

Nilai RM42,000, Selangor sedia 900 Rumah SelangorKu

4 March 2017 | 8:02 pm

OLEH ERMIZI MUHAMAD



RAWANG, 4 MAC : Sebanyak 900 kediaman perumahan Rumah Mampu Milik, Rumah SelangorKu di Setia Eco Temple disediakan sebagai inisiatif berterusan Kerajaan Negeri membantu rakyat Selangor memiliki kediaman sendiri.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, komitmen tersebut seiring pembentukan dasar pendemokrasian pemilikan rumah yang diusahakan di negeri ini.

“Untuk menjamin hak rakyat Selangor, bukan sahaja mempunyai akses bagi memiliki sebuah rumah mampu milik, tetapi tumpuannya rumah yang dimiliki itu juga adalah aset berkualiti.

“Proses urbanisasi masyarakat yang semakin pesat menjadi hambatan utama kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri.

“Kemampuan untuk memiliki rumah inilah menjadi cabaran utama kerana perbelanjaan untuk memiliki kediaman adalah sangat tinggi di Malaysia,” katanya.

Beliau merujuk laporan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIR) mendedahkan purata penjualan rumah di Malaysia menunjukkan peningkatan maksima RM700,000 khususnya di kawasan Lembah Klang.

Mohamed Azmin berkata, tuntutan itu mendorong hasrat Kerajaan Negeri sebagai sebuah pentadbiran peduli rakyat untuk terus mengutamakan kebajikan rakyat dalam segenap aspek.

“Kerajaan Negeri tampil dengan pelbagai insiatif peduli rakyat untuk bantu meningkatkan pendapatan isi rumah dengan menyediakan Rumah SelangorKu di bawah kadar RM250,000.

“Usaha membangunkan perumahan untuk rakyat adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Oleh itu, di Selangor kita meletakkan agenda membangunkan Rumah SelangorKu sebagai keutamaan pentadbiran ini,” katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pelancaran dan Pendaftaran Rumah SelangorKu Setia Eco Templer di sini, hari ini.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Noordin Sulaiman; Exco Kerajaan Negeri, Dato' Iskandar Abdul Samad, Zaidy Abdul Talib dan Pengerusi S P Setia Berhad, Tan Sri Datuk Dr Wan Zahid.

Dalam perkembangan itu, rumah jenis Pangsapuri Kos Rendah dengan keluasan 700 sq.ft tampil dengan reka bentuk lebih moden, selesa bericirikan kediaman hijau.

Ia mula dijual pada kadar serendah RM42,000 dengan 3 jenis reka bentuk, Azalia (Jenis A), Camelia (Jenis C) dan Dahlia (Jenis D) dan dinamakan sebagai Pangsapuri Cenderawasih.

Projek pembangunan itu merupakan gerak kerja bersama **Kumpulan Perangsang** dan Pengurusan Hartanah S P Setia Berhad.

Terdahulu, Kerajaan Negeri melaksanakan Dasar Perumahan Negeri Selangor untuk merealisasikan matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Sempurna'.

https://selangorkini.my/2017/03/nilai-rm42000-selangor-sedia-900-rumah-selangorku/?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook